

Tajuk : Tautan Cinta Rasulullah.

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kota Samarahan

Konsert Kembara Sufi 2013 anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), baru-baru ini, menyemarakkan kecintaan umat Islam terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Konsert bertema 'Tautan Cinta Rasulullah' itu menampilkan nyanyian lagu ketuhanan serta nasyid yang membawa kisah pengorbanan Nabi Muhammad SAW untuk agama Islam demi Allah SWT dari awal kehidupan hingga kewafatan baginda.

Antara artis yang membuat persembahan ialah Hafiz Hamidun; kumpulan nasyid UNIMAS, Da'my; serta kumpulan nasyid kolej kediaman universiti itu seperti Fastabiqul Khairat, Az-Zakirin dan By-Heart.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, gembira dengan penerimaan sambutan memberangsangkan terhadap program kerohanian, terutama yang dianjurkan pelajar universiti berkenaan.

Langkah besar

"Meskipun UNIMAS ialah



Hafiz Hamidun meraih perhatian penonton dengan persembahan menarik.

“ PIHK UNIVERSITI MENYEDIAKAN RUANG UNTUK MENGASAH KEMAHIRAN INSANIAH DALAM KALANGAN MAHASISWA”

Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS

Tautan Cinta: Rasulullah



Kumpulan nasyid Fastabiqul Khairat dari Kolej Kediaman Cempaka UNIMAS turut menjayakan Konsert Kembara Sufi 2013.

institusi pengajian tinggi (IPT), kami tidak hanya mementingkan kecemerlangan akademik pelajar semata-mata.

"Sebaliknya, pihak universiti turut menyediakan ruang untuk mengasah kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa, termasuk dari segi berkomunikasi, keusahawanan serta berinteraksi dengan golongan profesional dan semua

lapisan masyarakat.

"Walaupun mahasiswa yang menganjur dan menguruskan konsert ini mempunyai latar belakang bidang berbeza, mereka mengorak langkah besar

menjayakannya dengan usaha dan dorongan penasihat merangkap barisan pentadbiran Kolej Cempaka UNIMAS," katanya.

Sementara itu, Pengarah Projek Konsert Kembara

Sufi 2013, Muhammad Arif Mohd Radzi, bangga kerana penganjuran konsert berkenaan bukan saja memberi peluang kepada mahasiswa untuk berhibur, malah pada masa sama menyemarakkan punggutan kerohanian.

Ringankan beban

Beliau berkata, program itu bermatlamat memupuk kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW, sekali gus memperkuat kasih umat terhadap agama Islam.

Bersempena dengan konsert berkenaan, kutipan sumbangan untuk 'Tabung Bersamamu Syria' turut diadakan bagi membantu meringankan beban penduduk negara itu.

Hasil kutipan terbabit diserahkan oleh Prof Mohd Fadzil kepada wakil pihak IKRAM SISWA UNIMAS, Muhammad Haris Sharim.

Konsert itu yang berlangsung di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA UNIMAS, mendapat perhatian warga universiti melalui hebahan media sosial seperti Facebook serta Twitter, selain turut menerima sambutan menggalakkan orang ramai yang datang dari kawasan sekitar dan Kuching.